

BAB 6

KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

6.1 PENGENALAN

Pengkaji telah membuat analisis ke atas sepuluh buah filem dokumentari yang diterbitkan oleh MFU/FNM. Filem-filem itu telah dipilih secara rawak mengikut era yang telah ditentukan. Judul kesemua filem-filem tersebut adalah *The Kinta Story* (1949), *Before The Wind* (1953), *Padi Kunca / Hassan's Homecoming* (1954), *Kemerdekaan Malaya* (1957), *Dugaan Negara* (1960), *Kelahiran Malaysia* (1963), *Ke Arah Perpaduan* (1974), *Alam Sekitar Memerlukan Anda* (1986), *Malaysia Megah Membangun / Malaysia : A Nation In Bloom* (1990) dan *Malaysia Melangkah Ke Hadapan* (1998).

Kaedah analisis ini dilakukan bertujuan untuk melihat sejauh mana **nilai nasional** diterapkan ke dalam filem-filem dokumentari yang dipilih itu. Untuk tujuan itu sebanyak enam **nilai nasional** telah dikenalpasti dan ditentukan sejak awal lagi. Keenam-enam **nilai nasional** itu ialah **perpaduan nasional, patriotisme, pembangunan negara, kebudayaan kebangsaan, amalan kebersihan dan Wawasan 2020**.

6. 2 RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini merumuskan filem-filem dokumentari yang dipilih untuk kajian ini mengandungi kesemua enam unsur-unsur **nilai nasional**. Bagaimanapun dalam setiap dokumentari tidak terdapat kesemua **nilai nasional** tersebut namun terdapat sekurang-kurangnya dua atau tiga nilai yang terkandung di dalamnya. Untuk melihat dengan lebih jelas mengenainya, di bawah ini disenaraikan **nilai-nilai nasional** yang terdapat dalam filem-filem dokumentari tersebut.

| <u>Bil.</u> | <u>Tajuk Filem</u> | <u>Nilai nasional</u> |
|-------------|---|--|
| 1. | <i>The Kinta Story</i> (1949) | i. Perpaduan ii. Patriotisme |
| 2. | <i>Before The Wind</i> (1953) | i. Pembangunan diri dan keluarga ii. Unsur kebudayaan iii. Perpaduan sesama kaum |
| 3. | <i>Padi Kunca / Hassan's Homecoming</i> (1954) | i. Pembangunan mental dan pembangunan masyarakat ii. Perpaduan sekampung |
| 4. | <i>Kemerdekaan Malaya</i> (1957) | i. Perpaduan ii. Patriotisme iii. Unsur-unsur kebudayaan |

| <u>Bil.</u> | <u>Tajuk Filem</u> | <u>Nilai nasional</u> |
|-------------|--|---|
| 5. | Dugaan Negara (1960) | i. Perpaduan ii. Patriotisme iii. Pembangunan |
| 6. | Kelahiran Malaysia (1963) | i. Perpaduan ii. Patriotisme iii. Kebudayaan |
| 7. | Ke Arah Perpaduan (1974) | i. Perpaduan ii. Pembangunan |
| 8. | Alam Sekitar Memerlukan Anda (1986) | Kebersihan dan keindahan alam sekitar |
| 9. | Malaysia Megah Membangun/ Malaysia : <i>A Nation In Bloom</i> (1990) | i. Pembangunan ii. Perpaduan iii. Kebudayaan iv. Patriotisme |
| 10. | Malaysia Melangkah Ke Hadapan (1998) | i. Pembangunan ii. Patriotisme iii. Perpaduan iv. Wawasan 2020 |

Rajah 1

Hasil kajian yang sedemikian adalah tidak menghairankan kerana sebagai sebuah jabatan kerajaan ia semestinya melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya yang boleh menyokong dasar-dasar kerajaan.

Adalah juga dirumuskan bahawa nilai **perpaduan** mempunyai *ranking* tertinggi jika dibandingkan dengan nilai-nilai lain. Daripada sepuluh buah filem dokumentari, sembilan daripadanya mengandungi nilai tersebut. Penekanan yang diberikan kepada **perpaduan** memberi makna tentang kepentingan nilai ini kepada negara. Filem yang yang tidak dapat dikesan nilai **perpaduan** di dalamnya ialah filem **Alam Sekitar Memerlukan Anda**. Ini ialah kerana filem tersebut memberi tumpuan dan membawa mesej **kebersihan dan keindahan**.

Nilai kedua yang terpenting hasil daripada kajian ini ialah **patriotisme** dan **pembangunan**. Sebanyak enam buah filem daripada sepuluh buah filem dokumentari membawa kedua-dua tema tersebut. **Patriotisme** adalah semangat cintakan negara yang mendalam dalam sanubari yang boleh menyebabkan rakyat sanggup lakukan apa sahaja untuk negara.

Pengkaji membuat rumusan bahawa pembangunan itu terangkum sekali sebagai membangunkan diri, keluarga, mental dan masyarakat. Dalam kajian filem yang dipilih ini, pembangunan tidak hanya tertumpu kepada pembangunan fizikal semata-mata malah takrif pembangunan di sini adalah fleksibel.

Dalam filem **Before The Wind** umpamanya unsur-unsur mengenai pembangunan diri dan keluarga tertera dengan jelas. Watak dalam filem itu, seorang nelayan kecil berusaha untuk memajukan diri dengan mengubah cara menangkap ikan daripada cara tradisional kepada yang lebih moden. Dengan jelas memaparkan kesungguhan seseorang untuk memperbaiki diri dan keluarga daripada keadaan daif kepada yang lebih baik dan sempurna.

Dalam filem **Padi Kunca** juga terlihat unsur **pembangunan mental** dan **pembangunan masyarakat** dipaparkan dengan jelas. Watak dalam filem digambarkan mempunyai sifat positif. Watak ini cuba meyakinkan orang kampung mengenai perubatan moden. Beliau membawa doktor ke kampung untuk mengubati bapanya yang sakit. Orang kampung masih menaruh kepercayaan yang tinggi kepada bomoh atau perubatan tradisional. Filem itu cuba memaparkan mengenai perubahan dan pembangunan mental.

Satu lagi unsur pembangunan yang tersirat dalam filem dokumentari ini ialah pembangunan masyarakat. Contoh yang dipaparkan ialah mengenai penubuhan syarikat kerjasama di kampung berkenaan. Syarikat yang ditubuhkan itu bertujuan untuk saling bantu membantu di kalangan kaum petani supaya tidak ditindas oleh orang tengah. Dengan adanya syarikat kerjasama itu boleh memberi bantuan kewangan kepada yang memerlukan dan membuat pembayaran balik dengan sempurna.

Dalam konteks **pembangunan fizikal dan infrastruktur**, memang terdapat banyak sekali mesej berkenaan dibawa dalam filem-filem terbitan MFU/FNM. Jika dilihat daripada senarai filem-filem dokumentari yang terpilih untuk kajian, unsur pembangunan tersebut dapat dikesan dalam filem-filem yang bertajuk **Dugaan Negara, Ke Arah Perpaduan, Malaysia Megah Membangun** dan **Malaysia Melangkah Ke Hadapan**.

Nilai nasional seterusnya ialah **kebudayaan**. Walaupun tidak ada tajuk filem yang spesifik mengenai kebudayaan namun ada banyak segmen yang diselitkan dengan unsur-unsur sedemikian. Setelah kajian dilakukan ke atas filem-filem yang terpilih, empat daripada sepuluh filem tersebut mengandungi perkara-perkara yang berkaitan dengan kebudayaan.

Filem yang dimaksudkan ialah **Before The Wind**, **Kemerdekaan Malaya, Kelahiran Malaysia** dan **Malaysia Megah Membangun**. Contoh unsur kebudayaan itu ialah tarian kebudayaan yang diiringi oleh paluan kompong, dan nyanyian lagu-lagu tradisional. Segmen-segmen tersebut dipaparkan dalam filem *Before The Wind*.

Dalam filem **Kemerdekaan Malaya** juga terdapat unsur-unsur ini. Antaranya ialah tarian lama Melayu, Tarian Singa yang menggambarkan

masyarakat Cina dan tarian India. Filem ini juga memaparkan nilai **perpaduan** semua kaum.

Unsur-unsur kebudayaan juga terdapat dalam filem **Kelahiran Malaysia**. Selain melalui visual, unsur ini juga diperkuuhkan dengan latarkata,

"Aneka jenis permainan, tatu, **tarian** dan **kesenian dari pelbagai budaya** dari barat dan timur Malaysia dipertunjukan."

Dalam filem dokumentari **Malaysia Megah Membangun** unsur budaya sebagai nilai nasional telah ditekan dengan jelas;

"Berbagai **kebudayaan dapat wujud** dalam suasana yang aman dan harmonis. Inilah yang seringkali mengagumkan pelancung asing. Tapi **buat rakyat Malaysia, itulah cara hidup mereka.**"

Satu lagi **nilai nasional** yang ditemui dalam kajian ialah **amalan kebersihan**. Daripada sepuluh filem-filem dokumentari yang dipilih untuk tujuan kajian ini hanya terdapat satu saja filem **Alam Sekitar Memerlukan Anda** yang memberi tumpuan kepada soal-soal kebersihan.

Satu **nilai nasional** lain yang amat penting kepada rakyat Malaysia masa kini ialah **Wawasan 2020**. Initipati terpenting wawasan ini ialah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju mengikut acuannya

tersendiri pada tahun 2020. Idea wawasan ini dicetuskan oleh Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Filem dokumentari ini diasaskan pada kertas kerja beliau malah menggunakan tajuk yang sama iaitu **Malaysia Melangkah Ke Hadapan**. **Filem ini menyelitkan** perkara-perkara berkaitan dengan Wawasan 2020. Antaranya filem tersebut menyatakan;

"Daripada sebuah negara yang serba kekurangan Malaysia telah membangun sebegini rupa berkat usaha dan keazaman seluruh rakyatnya. Melalui teknologi moden dan keajaiban era informasi, Malaysia kini bergerak cergas menuju matlamat **Wawasan 2020**. Satu matlamat yang bakal menjadikan Malaysia negara yang maju sepenuhnya."

6.3 IMPLIKASI TEORI

Propaganda adalah satu usaha secara sedar dalam penggunaan komunikasi oleh individu atau kumpulan untuk mempengaruhi, membentuk, mengawal atau mengubah sikap orang lain dengan tujuan mendapatkan keputusan, reaksi atau tindakan seperti mana yang dirancangkan dan diingini oleh mereka yang menjalankan komunikasi itu. Dalam konteks ini sudah semestinya pihak MFU/FNM menggunakan sepenuhnya teknik-teknik propaganda untuk menyampaikan mesej dan mempengaruhi masyarakat mengamalkan apa yang disaran oleh Kerajaan untuk mencapai dasar yang dirancangkan.

Sebagai media yang diberikan fungsi untuk mempengaruhi kalayak, kajian ini mengenalpasti bahawa MFU/FNM telah menggunakan berbagai-

bagai pendekatan propaganda. Bentuk dan strategi propaganda yang digunakan berbeza di antara satu era dengan era yang lain.

6.4 PENCAPAIAN OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif utama kajian ini. Di bawah ini disenaraikan tiga objektif tersebut dan ulasannya.

Objektif pertama

Apakah **Jenis-jenis nilai nasional** yang diberi perhatian atau pun tumpuan oleh filem dokumentari terbitan MFU/FNM sepanjang tempoh kajian.

Ulasan

Sebagai rumusan dan kesimpulan pengkaji dapat menyatakan bahawa objektif pertama telah tercapai. Nilai-nilai nasional yang dapat dikesan ialah **perpaduan nasional, patriotisme, pembangunan negara, kebudayaan kebangsaan, amalan kebersihan dan Wawasan 2020**.

Objektif kedua

Untuk mengenalpasti bagaimana filem dokumentari terbitan MFU/FNM memaparkan isu-isu nilai nasional di antara satu filem dengan filem lain yang dikaji dan melihat perbezaan antara era pra dan pasca merdeka.

Ulasan

Hasil analisis filem-filem *The Kinta Story* (1949), *Before The Wind* (1953), *Padi Kunca/Hassan's Homecoming* (1954), *Kemerdekaan Malaya* (1957), *Dugaan Negara* (1960), *Kelahiran Malaysia* (1963), Ke Arah Perpaduan

(1974), Alam Sekitar Memerlukan Anda (1986), Malaysia Megah Membangun / Malaysia : A Nation In Bloom (1990) dan Malaysia Melangkah Ke Hadapan (1998), pengkaji merumuskan bahawa filem-filem dokumentari yang diterbitkan oleh MFU/FNM memang mengandungi nilai-nilai nasional utama negara ini.

Dilihat dari segi perbezaan penekanan nilai nasional antara pra dan pasca merdeka, didapati perbezaannya tidaklah begitu ketara. Perpaduan dan patriotisme diberi penekanan sepanjang masa manakala pembangunan diberi lebih penekanan apabila negara sudah mencapai kemerdekaan. Kebudayaan dan kebersihan diberi penekanan pada masa-masa tertentu sahaja (Rajah 1, muka surat 30~~4~~-30~~1~~).

Objektif ketiga

Untuk mengenalpasti MFU/FNM sebagai sebuah institusi media kerajaan yang diberi fungsi untuk memaparkan maklumat yang menyokong usaha dan dasar kerajaan. Apa yang hendak dikesan ialah bagaimana MFU/FNM berperanan dan bagaimana caranya ia menjalankan peranannya.

Ulasan

Pengkaji mendapati MFU/FNM telah berperanan menyalurkan maklumat melalui filem-filem dokumentari terbitannya. Mesej dan nilai-nilai nasional penting telah diselitkan sebagai satu cara mendidik dan memaklumatkan masyarakat.

6.5 RUMUSAN KESELURUHAN

Malayan Film Unit/Filem Negara Malaysia (MFU/FNM) adalah sebuah jabatan kerajaan yang mempunyai tugas dan fungsi untuk menghasilkan filem sama ada bercorak filem dokumentari, treler mahu pun cereka. Oleh sebab ia merupakan sebuah jabatan kerajaan maka hasil filem terbitannya lebih cenderung memaparkan dasar-dasar kerajaan dan sekaligus menyokongnya.

Semasa merangka untuk menghasilkan filem-filem dokumentari atau pun filem-filem bercorak lain, terdapat perancangan yang sepenuhnya dibuat untuk menyelitkan unsur-unsur **nilai nasional** yang menjadi amalan penduduk Malaysia iaitu iaitu **perpaduan nasional, patriotism, pembangunan negara, kebudayaan kebangsaan, amalan kebersihan dan Wawasan 2020**.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1946 banyak sekali filem yang telah dihasilkan oleh *MFU/FNM* dalam pelbagai bentuk dan corak. Filem berbentuk dokumentari adalah filem yang paling banyak dihasilkan. Bermacam-macam tema dibawakan dan kesemuanya itu bertujuan untuk memberi maklumat dan pedoman untuk rakyat menjalani kehidupan sepetimana dikehendaki oleh kerajaan.

Dalam dekad 1940an dan 1950an kebanyakannya filem-filemnya adalah bercorak berita dan peristiwa. Antara contoh-contoh filem berkenaan ialah seperti *Malayan Gazette*, *The New Malayan Gazette* dan *Tanah Melayu Kita*. Filem-filem itu merakamkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di seluruh negara. Filem-filem tersebut dihasilkan sekitar tahun 1947 hingga 1963.

Filem-filem bercorak sedemikian adalah amat penting sekali pada zaman itu kerana televisyen belum lagi wujud. Selain berfungsi sebagai bahan sejarah ia menjadi bahan tatapan masyarakat umum melalui tayangan-tayangan di kampung-kampung yang dilakukan oleh Jabatan Perhubungan Raya atau pun kini dikenali sebagai Jabatan Penerangan.

Dalam dekad 1970an, 80an dan 90an terdapat perbezaan yang begitu ketara sekali dalam penerbitan filem-filem dokumentari oleh Filem Negara Malaysia. Kita dapat perhatikan bahawa banyak sekali filem-filem yang bercorak pembangunan dihasilkan selain daripada filem yang berbentuk berita, peristiwa-peristiwa penting bersejarah dan filem-filem yang bercorak maklumat. Paling menonjol sekali ialah dalam dekad 80an, banyak filem-filem pembangunan diberi keutamaan.

Antara contoh filem-filem pembangunan yang dapat dilihat dengan nyatanya ialah filem-filem yang diterbitkan dalam tahun 1982 dan 1986.

Pendekatan filem-filem dokumentari itu ialah dengan menumpukan kepada pembangunan bagi negeri-negeri di Malaysia. Contoh-contoh filem itu adalah seperti berikut :-

1982

1. Kedah Ke Mercu Kejayaan
2. Daruliman Terus Maju
3. Kelantan Darul Naim Terus Membangun
4. Indera Kayangan Ke Arah Kemajuan
5. Darul Ehsan Menempa Kemajuan
6. Negri Sembilan Dalam Era Pembangunan
7. Darul Takzim Megah Membangun
8. Pulau Mutiara Terus Bersinar
9. Melaka Melangkah Maju

1986

1. Perlis Indera Kayangan Ke Arah Kemajuan
2. Melaka Maju Rakyat Bahagia
3. Pulau Pinang Dalam Era Baru
4. Bumi Bertuah Perak Darul Ridzuan
5. Selangor Darul Ehsan Terus Maju Dan Makmur
6. Kelantan Dalam Era Membangun
7. Wilayah Persekutuan Maju Sejahtera
8. Darul Makmur Bersama Ke Arah Kemajuan
9. Kedah Mengembeleng Usaha Membangun

Demikianlah peranan penting yang telah dimainkan oleh MFU/FNM sejak sekian lama dalam bidang penerbitan filem khasnya filem bercorak dokumentari. Sejak ditubuhkan telah banyak jasanya kepada negara. Di sana tersimpannya koleksi pelbagai rupa bentuk filem sama ada filem dokumentari, cereka mahupun filem treler yang merupakan satu dokumentasi berharga kepada pertiwi.

Salah satu peranan terpenting MFU/FNM yang tidak boleh dinafikan ialah usaha pengarkiban peristiwa-peristiwa bersejarah negara ini. Peristiwa-peristiwa penting itu amat berguna untuk generasi kini dan masa depan. Bayangkanlah sekiranya MFU tidak merakamkan peristiwa bersejarah seperti rundingan Tunku Abdul Rahman dengan pemerintah British ke arah pemerintahan sendiri, Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, peristiwa perisytiharan penubuhan Malaysia dan lain-lain yang seumpamanya. Sudah tentulah generasi kini tidak dapat menatap peristiwa-peristiwa penting dalam bentuk filem.

FNM akan meneruskan baktinya kepada negara dari semasa ke semasa. Walaupun nampaknya peranan televisyen adalah lebih penting pada masa kini namun FNM tetap akan menaburkan jasanya. Filem-filem yang dihasilkan kini akan menjadi amat berharga kepada generasi akan datang. FNM akan terus menjadi satu sumber rujukan yang sangat penting.

Dalam zaman yang serba canggih ini FNM seharusnya sama-sama seiring dengan kemajuan teknologi masa kini. Hasil penerbitan filem sepatutnya lebih menarik dan mampu bersaing dengan penggiat-penggiat filem yang lain. Sekiranya ia masih berada di takuk lama dibimbangi FNM akan tenggelam kerana tidak dapat bertahan dengan arus kemodenan yang begitu pantas geraknya.

MFU/FNM telah berjaya mengharung ombak dan badai dalam menempuhnya 'segala ranjau penghidupannya'. Dalam usianya 57 tahun ia masih tetap berdiri teguh dan masih mampu melaksanakan tugas-tugasnya dengan baik dan sempurna. Jasanya akan tetap terpahat dengan tinta emas dan FNM akan terus menaburkan baktinya kepada negara yang tercinta ini.

Malaysia Boleh, FNM juga pasti BOLEH. FNM akan terus maju !